



MENTERI SUMBER MANUSIA

## KENYATAAN MEDIA

---

### PELANTIKAN LEMBAGA PENGARAH BAHARU PERBADANAN TABUNG PEMBANGUNAN KEMAHIRAN (PTPK)

---

Sukacita dimaklumkan pada 26 September 2023 yang lalu, saya telah bersetuju melantik **Yang Berhormat Ts. Zahir bin Hassan** sebagai **Pengerusi Lembaga Pengarah PTPK** dan **Yang Berhormat Rajiv Rishyakaran** sebagai **Timbalan Pengerusi Lembaga Pengarah PTPK** yang baharu berkuat kuasa pada **21 September 2023**.

Dengan pelantikan ini, beberapa isu yang dihadapi oleh PTPK melibatkan pelajar dan Institut Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) telah dapat diselesaikan serta-merta.

PTPK merupakan sebuah badan berkanun di bawah Kementerian Sumber Manusia yang memainkan peranan penting sebagai pembiaya dana latihan kemahiran Islamik yang patuh syariah untuk menyokong pembangunan bakat tersedia masa hadapan. Mulai tahun 2021, PTPK telah memperluas skop pinjaman latihan kemahiran di mana pinjaman yang diberikan bukan sahaja meliputi yuran latihan, bayaran takaful, kos sara hidup tetapi juga ditambah dengan kemudahan pinjaman komputer sehingga RM2,500 dan elaun pengangkutan sebanyak RM2,000. Pemberian kemudahan pinjaman komputer dan elaun pengangkutan ini diberikan secara sekali sahaja (*one-off*) mengikut permohonan pinjaman.

Seperti mana semua sedia maklum, pemberian pinjaman latihan kemahiran bagi elaun pengangkutan dan elaun komputer diperkenalkan untuk menarik minat pelajar

lepasan sekolah memasuki pembelajaran TVET yang terjejas teruk selepas pandemik COVID-19 yang lalu. Kelulusan permohonan pinjaman dibuat berdasarkan konsep *first come first serve basis* tertakluk kepada ketersediaan dana latihan kemahiran.

Pada tahun ini, permintaan kepada pinjaman latihan kemahiran meningkat dan menghampiri kelulusan peruntukan. Situasi ini boleh menyebabkan permohonan pinjaman dibekukan sehingga penghujung tahun. Sehingga 31 Julai 2023, penggunaan dana latihan kemahiran yang diperuntukkan untuk kemudahan elaun komputer dan elaun pengangkutan telah mencapai paras yang optimum. Kedua-dua elaun ini sedang dikaji semula kerana terdapat permintaan yang tinggi ke atas pinjaman telah meningkat pada suku tahun ketiga. Namun begitu, PTPK masih menawarkan kemudahan pinjaman latihan kemahiran yang akan membiayai yuran latihan, bayaran takaful dan elaun sara hidup.

Saya yakin dengan pelantikan pengerusi dan timbalan pengerusi PTPK baharu ini akan membolehkan mereka menerajui organisasi dan meneruskan momentum dalam membangunkan modal insan berkemahiran tinggi di Malaysia. Pelantikan ini sejajar dengan objektif Kerajaan untuk melahirkan tenaga kerja yang cekap, berkualiti tinggi dan berkemahiran tinggi menjelang tahun 2050.

KSM sentiasa komited untuk terus melakukan yang terbaik.

**YB TUAN V. SIVAKUMAR**  
**MENTERI SUMBER MANUSIA**  
**PUTRAJAYA**  
**11 OKTOBER 2023**